


21 NOVEMBER  
2017



# Syarah

CenPRIS - Dato' Jenaton



## PENCEREKAN MELAYU TANJUNG DALAM NOVEL AHMAD RASHID TALU

Syarah oleh

**Dr. Mohd. Hanafi Ibrahim**

**Mengenai**  
**Syarahhan Cenpris – Dato’ Jenaton**  
*CenPRIS Dato’ Jenaton Lectures*

Siri Syarahan Cenpris-Dato’ Jenaton bertujuan berkongsi dan merakamkan cerita-cerita mengenai kehidupan dan pemikiran masyarakat Melayu-Islam di Pulau Pinang. Ia menjemput individu sebagai sumber sejarah dan penceramah dari pelbagai latar belakang dan bidang untuk bercerita, mentafsir, dan menggalakan sejarah dan warisan Melayu serta pertembungan Melayu-Islam dengan budaya-budaya dan etnisiti dalam dan luar rantau kepulauan Melayu.

**Syarahhan Cenpris – Dato’ Jenaton**

Dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa [CenPRIS], Universiti Sains Malaysia, dengan kerjasama Keluarga Dato’ Jenaton [K-Jenaton], Persatuan Sejarah dan Warisan Melayu Pulau Pinang [PEWARISAN] dan Unit Sejarah Lisan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

## BIODATA



**Dr. Mohd. Hanafi Ibrahim** dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan. Mendapat pendidikan sehingga Ijazah Sarjana Muda di Universiti Sains Malaysia, Sarjana Sastera di Universiti Kebangsaan Malaysia dan meneruskan pengajian di peringkat Ph.D di UKM. Bertugas sebagai Ketua Bahagian, Bahagian Penyelidikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam bidang kesusasteraan moden, beliau menghasilkan esei, kritikan, kajian sastera, cerpen dan puisi. Pernah memenangi Hadiah Sastera Utusan-Public Bank tahun 1986 dalam genre cerpen, dan menerima Anugerah Sastera Darul Naim dalam bidang esei pada tahun 2003. Esei dan kajian sasteranya diterbitkan dalam *Dewan Sastera*, jurnal *Malay Literature*, *Pangsura* dan dalam buku/prosiding, antaranya buku *Kajian Bandingan Cerpen Sebelum Merdeka Brunei, Indonesia dan Malaysia* (2007), *Kesusasteraan Melayu Moden 1920-1940* (2004), *Pemikiran Sasterawan Negara S. Othman Kelantan* (2006), *Idealisme & Intelektualiti dalam Karya* (2005) dan dalam *Gender dalam Sastera Melayu* (UKM:2013). Cerpen beliau diterbitkan dalam antologi *Penantian*, *Kehadiran yang Dilupakan*, *Cermin*, *Gemilang* dan *Inthanon* (kumpulan cerpen penulis-penulis ASEAN yang menyertai program penulisan COCI di Chiengmai, 1995.). Sepanjang bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka beliau melaksanakan tugas-tugas penyelidikan kesusasteraan Melayu moden dan tradisional, antaranya

Penyelidikan Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden, penyelidikan sejarah genre, penyelidikan lapangan dan rakaman puisi Melayu tradisional berunsur Islam, melakukan kerja-kerja penyelidikan dan rakaman dokumentasi teater tradisional Jikey, penyelidikan dokumentari tradisi pengucapan pantun Melayu dalam kesenian lotah. Selain itu beliau juga melakukan kerja-kerja transliterasi dan kerja-kerja mempermudah cerita rakyat bagi tujuan penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau juga menjadi penyelidik pautan bagi projek Gender dalam sastera Melayu dengan Universiti Kebangsaan Malaysia, penyelidik dalam MASTERA Malaysia dan Sidang Editorial bagi projek ASEAN Committee on Culture and Information (COCI), "ASEAN 20th Century Literatures." Beliau juga melaksanakan kerja-kerja pengembangan sastera, terutamanya pengiktirafan karya dan tokoh seperti Hadiah Sastera Perdana Malaysia, Anugerah Sastera Negara, Hadiah Novel Alaf Baru. Beliau juga menyumbangkan kepakaran sebagai panel penilai antaranya, panel dalam Siri Hadiah Kumpulan Utusan sejak tahun 2005-2013, Hadiah Penghargaan Penulis Muda MASTERA, Hadiah Sastera MASTERA, Hadiah Sastera Tunas Cipta, Hadiah Sastera Johor Darul Ta'zim, Hadiah Sastera Sarawak dan Hadiah Sastera Sabah.

# Pencerekaan Melayu Tanjung Dalam Novel Ahmad Rashid Talu

oleh

***Dr. Mohd Hanafi Ibrahim***

*Ketua Bahagian Penyelidikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur*

## ***Abstrak***

Dalam perkembangan kesusasteraan Melayu Moden, genre novel bagi sesetengah pengkaji sastera sebagai dimulai dengan penerbitan *Hikayat Faridah Hanum @Hikayat Setia Asyik kepada Maksiyuknya* (1925-1926) yang ditulis Syed Syeikh al-Hadi. Lebih awal dari itu, pada tahun 1876, *Hikayat Panglima Nikosa* (sebuah novelet dengan kepanjangan 29 muka surat) di hasilkan oleh Ahmad Syawal di Kucing Sarawak. Novel *Hikayat Faridah Hanum* berlatarkan milieu di Mesir dengan peristiwa dan watak-wataknya bukan daripada milieu Tanah Melayu. Dalam *Hikayat Panglima Nikosa* pula, latarnya ialah sebuah negeri bernama Pilina, sebuah negeri imaginatif pengarangnya. Berbeza daripada kedua-dua pengarang tersebut, Ahmad Rashid Talu, melalui novel *Kawan Benar* telah membawa pembaharuan apabila menggunakan milieu tempatan yang berlatarkan Pulau Pinang. Melalui novel ini Pulau Pinang sebagai sebuah kota metropolitan, dicerekakan sebagai kota yang pesat membangun terutama ekonomi pelabuhannya. Pulau Pinang sebagai sebuah kota metropolitan dihuni kalangan pelbagai bangsa dan budaya dari pelbagai belahan dunia. Dalam suasana kepelbagaian bangsa dan budaya itu, Ahmad Rashid Talu melalui karya beliau, antaranya *Kawan benar, Iakah Salmah?* dan novel *Siapa jahat atau Dato'*

*Chincano Perompak yang Termasyhur*, telah mencerekakan mozek kehidupan sosiobudaya di Pulau Pinang yang bersifat majmuk. Novel yang dihasilkannya turut menyentuh subjek ekonomi penduduk Melayu Tanjong terutama sewaktu berhadapan dengan landaan dan gelora zaman modenisasi pada suku tahun kedua dan ketiga abad ke-20. Tulisan ini memberi tumpuan terhadap sumbangan pemikiran Ahmad Rashid Talu terhadap isu-isu sosiobudaya dan ekonomi masyarakat Melayu seterusnya mencorakkan perkembangan Sastera Melayu moden pada awal abad ke-20.

## *Pengenalan*

Perkembangan novel Melayu moden bagi kalangan pengkaji ditandai dengan penerbitan novel *Hikayat Faridah Hanum @Hikayat Setia Asyik kepada Maksiyuknya* (1925-1926). Penerbitan novel ini meletakkan nama Syed Syekh Al-Hadi sebagai pelopor novel Melayu moden. Kemunculan novel ini mencetuskan fenomena baharu dalam tradisi persuratan susastera di Tanah Melayu apabila mengemukakan sebuah roman yang menggunakan latar nyata di Mesir, meninggalkan dunia antah berantah dan alam kayangan sebagaimana terdapat dalam cerita-cerita lipur lara. Tarikan terhadap novel ini mungkin pada keasyikan pencerekaan bumbu-bumbu percintaan dua watak Faridah Hanum dan Shafik Effendi yang menempuh pelbagai liku cabaran. Subjek emansipasi wanita, terutama dalam isu perjodohan yang berhak ditentukan oleh anak gadis sebagaimana diperjuangkan watak Faridah Hanum telah mencetuskan fenomena baharu khalayak, terutama dalam kancah sesetengah masyarakat ketika itu yang cenderung menentukan jodoh anak gadis secara kahwin paksa.

Wanita diberikan suara dan hak untuk menentukan kebahagiaan hidupnya meskipun berhadapan dengan pelbagai halangan. Lebih awal daripada novel tersebut, *Hikayat panglima Nikosa* sebenarnya telah dihasilkan oleh Ahmad Syawal pada tahun 1876 di kucing Sarawak. Karya ini bagi sesetengah pengkaji hanya sebuah cerita panjang dalam bentuk novelet setebal 29 muka surat. Namun demikian, berdasarkan susunan plotnya dan olahan subjeknya, karya ini lengkap sebagai sebuah novel. *Hikayat Panglima Nikosa* dihasilkan dengan tujuan untuk menaikkan semangat kalangan anak-anak muda untuk memiliki keperibadian yang utuh bagi memerangi musuh dan menangani pelbagai cabaran secara strategik bagi menjana kemajuan ekonomi. Novel ini berlatarkan suatu lingkungan milieu yang imaginatif, namun jika diperhalusi pewarnaan setempat yang melatari novel ini memiliki banyak persamaan dengan

lingkungan geografi dan kehidupan sosiobudaya Sarawak. Novel ini meskipun diterbitkan lebih awal tetapi tidak ada kelanjutan penghasilan novel selepas penerbitannya, sehinggalah terhasilnya *Hikayat Faridah Hanum*, maka gelombang baharu penghasilan novel Melayu telah tercetus di Tanah Melayu pada dekad 1920-an dan dekad 1930-an. Gelombang baharu persuratan susastera Melayu itu turut diharungi oleh Rashid Talu apabila beliau menghasilkan sembilan buah novel, hampir kesemuanya berlatarkan masyarakat Melayu Tanjong di Pulau Pinang dan hubungannya dengan negeri-negeri lain di tanah Melayu.

### ***Persona Kepengarangan Rashid Talu***

Dalam sebilangan novel yang dihasilkan pada dekad 1920-an itu, nama Rashid Talu (Ahmad bin Haji Muhammad Rashid Talu) muncul sebagai pengarang dengan menghasilkan sembilan buah novel, antaranya *Kawan Benar* (1927), *Dua Belas Kali Sengsara* atau *Siapa Yahya* (1929), *Iakah Salmah?* (1927) *Siapa Jahat* atau *Datuk Chencano Perompak yang Termasyhur* (1929). Kemunculan Rashid Talu membawa penanda baharu dalam novel Melayu apabila novel-novelnya menggunakan latar tempatan di Tanah Melayu iaitu di Pulau Pinang khususnya. Dengan terbitnya novel *Kawan Benar*, meletakkan nama Rashid Talu sebagai Pelopor novel Melayu berlatarkan Tanah Melayu. Dalam novel-novel yang dihasilkannya, Pulau Pinang menjadi titik tumpu utama. Di tanah Tanjong Penageri (Tanjung Penagiare, Tanjung Penaga) inilah pelbagai peristiwa, watak dan perwatakan, interaksi sosiobudaya dan ekonomi masyarakat Melayu Tanjong dengan kalangan pelbagai kaum telah di sorot. Kebolehan Rashid Talu mencerakinkan kehidupan masyarakat Melayu dengan berkesan adalah sejajar dengan latar belakang lingkungan kehidupan beliau yang dilahirkan, membesar dan menimba pengalaman hidup dalam pelbagai bidang pekerjaan di Pulau Pinang.

A.Rashid Talu dilahirkan di No 2, Lumut Lane, Pulau Pinang, pada tahun 1889 (meninggal 12 Julai 1939). Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu Chowrasta, Pulau Pinang sehingga darjah III. Selepas itu beliau melakukan pelbagai pekerjaan, sebagai kerani dan jurukira dan bekerja di pejabat Juddah Pilgrimage, menguruskan jemaah haji di Pulau Pinang. Penglibatan Rashid Talu dalam bidang kepengarangan adalah bertepatan dengan suasana pertumbuhan syarikat percetakan dan penerbitan buku di Pulau Pinang ketika itu, antaranya The Jelutong Press, Ahmad, Abdul Rahman & co., Muhammad Ali bin Muhammad al-Rawi, Haji Abdullah al-Rawi, Persama Press, C. Dabab & co, Arba Brothers dan lain-lain. Dalam karya-karya yang dihasilkannya, Rashid Talu mencerekakan kehidupan masyarakat Pulau Pinang, khususnya Melayu Tanjung dalam tempoh dua dekad selepas Pulau Pinang berpindah tangan kepada urus tadbir East India Company pada tahun 1786 sebagaimana terdapat dalam novel *Siapa Jahat* atau *Dato' Chencano Perompak yang Termasyhur*. Rashid talu turut mencerekakan kehidupan sosiobudaya dan ekonomi Melayu Tanjung dalam lingkungan masyarakat majmuk dan hibrid sewaktu era modenisasi sekitar dekad 1920-an dan 1930-an. Pulau Pinang membangun sebagai kota kosmopolitan yang dihuni oleh pelbagai bangsa, pelbagai budaya dan pelbagai unsur yang berasal dari pelbagai bahagian dunia, bersifat sejagat. Pulau Pinang terkenal sebagai kota pelabuhan dagang senteri dan menjadi pusat perdagangan antarabangsa. Milieu zaman tersebut antaranya dicerekakan dalam novel *Kawan Benar*, *Dua Belas Kali Sengsara* dan *Iakah Salmah?*

### *Pulau Pinang dalam karya Persuratan Abad ke -19 dan Awal Abad ke-20 antara Fakta dan Fiktif*

Dalam karya autobiografi Hikayat Pelayaran Munsyi Ibrahim, Munsyi Ibrahim sewaktu mengunjungi Pulau Pinang pada (sekitar tarikh 24-25 April 1872) memerihalkan suasana masyarakat Pulau Pinang yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa. Munsyi Ibrahim memetik perangkaan bilangan penduduk Pulau Pinang yang majmuk daripada buku karangan Tuan John Cameron *Our Tropical Possessions in Malayan India* (London:1865): bangsa orang Putih 266 orang, bangsa Keling, Benggali, Hindu serta lain-lain bangsanya orang-orang sebelah negeri Hindustan 14, 000. Orang Melayu daripada segala jenis bangsa di bawah angin 72,000, bangsa Arab serta lain-lain 1,700 orang. Orang Cina daripada segala jenis bangsanya 39,000 orang dan bangsa-bangsa lain dinyatakan sedikit-sedikit sahaja orang (dlm. Mohd Fadzil othman, 1980: 115). Komposisi kependudukan yang pelbagai bangsa, budaya dan unsur-unsur daripada pelbagai bahagian dunia itu turut mencorakkan hal istiadat dan aturan negeri Pulau Pinang yang rencam dari segi kepelbagaian agama dan kepercayaan, jenis-jenis hiburan, muzik dan kesenian lainnya, cara pertuturan masyarakat Melayu Pulau Pinang, jenis-jenis pekerjaan yang dilakukan, nama-nama jalan, tempat-tempat menarik untuk dikunjungi dan lain-lain.

Munsyi Ibrahim turut menceritakan keadaan anak negeri Pulau Pinang yang rosak akhlaknya ketika itu, namun demikian beliau menyatakan bahawa “tidaklah sesekali-kali aku ini boleh mengata atau mengumpat anak-anak Pulau Pinang itu atau memuji anak-anak Singapura kerana dalam tiap-tiap negeri adalah orang yang baik, dan ada yang jahat (980:113). Ahmad Rashid Talu dalam novel-novel yang dihasilkan pada tahun 1920-an dan 1930-an turut memperlihatkan milieu Pulau Pinang sebagai sebuah Kota kosmopolitan. Dalam novel *Dua Belas Kali Sengsara*, kepelbagaian bangsa ini dapat dilihat melalui penampilan watak-watak See Ho, Chellaya yang saling berhubungan, malahan

berlaku perkahwinan campur antara Yahya dan Nyonya See Ho (Fatimah). Dalam *Kawan Benar* turut dikemukakan watak-watak peranakan Arab, Keling dan Cina. Dalam *Iakah Salmah?* bauran pelbagai unsur budaya dalam ranah kosmopolitan itu diperlihatkan melalui watak Salmah, lulusan Junior Cambridge berusia lingkungan 16 tahun yang berpandangan moden dan gemar muncul dalam kalangan khalayak dengan memakai aturan Eropah tetapi bertopi Melayu, dan berpakaian mengikut aturan Shanghai. Suasana ini memperlihatkan bahawa berlaku adunan pelbagai unsur budaya dari Timur dan Barat itu membentuk wajah, keperibadian warna-warni budaya yang bersifat sejagat (universalisme).

Novel-novel Ahmad Rashid Talu juga berbeza daripada karya-karya Syed Syeikh al-Hadi apabila beliau menggunakan landskap di Pulau Pinang serta negeri-negeri lain di sekitarnya seperti Perak, Selangor dan Singapura sebagai latar pencerekaannya. Justeru dalam novel beliau turut disentuh secara tidak langsung latar sejarah awal Pulau Pinang selepas selepas Pulau Pinang diserahkan kepada urus tadbir British East India Company pada tahun 1786. Latar masa novel berlaku pada tahun 1790, memerihalkan suasana tidak aman di laluan perdagangan elat Melaka kerana menjadi mangsa rompakan. Apabila pihak Inggeris mengetatkan kawalannya, kawanan perompak yang sebelum ini bermarkas di Pulau Pangkor terpaksa mencari pusat perlindungan baharu di Pulau Langkapuri apabila Inggeris mengetatkan kawalannya. Dari Pulau Langkawi mereka menjalankan kegiatan merompak di bawah pimpinan Dato' Chencano@ Daeng Ketuluk. Dalam satu serangan di Kuala Kedah kumpulan perompak ini tewas. Dato Chencano cedera dan berjaya berenang di daratan di Kuala Klawi Pulau pinang. Novel ini seterusnya menyusur galur usaha East India Company mengupah kuli menebas menebang hutan kerana membuka negeri, seterusnya Pulau Pinang mula didatangi berbagai-bagai-bagai bangsa saudagar dari Arab dan India.

Dalam kalangan pedagang itu Dato' Chencano mengubah corak kehidupannya dengan menjadi pemborong East India Company. Hubungannya dengan isteri dan anaknya Jit di Langkawi terputus selama hampir 24 tahun tanpa kedengaran khabar berita. Novel ini secara langkau depan meletakkan tarikh 10 Disember 1814 hari Selasa, lebih kurang pukul lapan pagi, di sebelah barat Pulau Pinang, di Chulia Street, seorang lelaki tua yang sakit tenat memanggil tiga anaknya hasil perkahwinan keduanya dengan Fatmah Bee anak Sidamadar bekas jurutulis nakhoda Mahboob dari Gujerat, Abdul Rahman, Yusof dan Zainab lalu berwasiat akan kekayaannya tiga tempayan wang, dua tempayan untuk anak-anak yatim iaitu mereka bertiga dan satu tempayan untuk orang jahat. Orang tua itu ialah Dato' Chencano yang ditukar namanya kepada nama Abdullah. Orang jahat yang dimaksudkan pula ialah anaknya yang ditinggalkan di Langkapuri 24 tahun yang lalu yang kini menjadi penghulu perompak bergelâr Dato Lela Muda.

Novel ini penting dalam sejarah awal Pulau Pinang mencerekakan suasana sosiobudaya dan ekonomi masyarakat ketika itu. Novel ini boleh menjadi dokumen sosial yang penting pada zaman tersebut. Suasana pembukaan negeri dan kemasukan pelbagai bangsa ke Pulau Pinang kerana dorongan aktiviti dagang dan peluang pekerjaan telah membawa masuk pelbagai bangsa ke Pulau Pinang. Berlaku perkahwinan antara orang Melayu dengan bangsa lain dan akhirnya membentuk keturunan peranakan. Orang Melayu ketika itu turut memperoleh kejayaan ekonomi hasil daya usahanya yang gigih serta mengamalkan ajaran Islam yang sebenar seperti watak Dato' Chencano yang insaf atas perbuatan masa lalunya dan mendalami ajaran Islam. Sebagaimana dalam novel *Siapa Jahat atau Dato' Chencano Perompak yang Termasyhur*, novel *Kawan Benar* juga menggunakan latar masa yang sebenar iaitu peristiwa dalam novel ini berlaku di Pulau Pinang, pada Februari tahun 1920. Hampir 100 setahun jarak latarnya dengan latar dalam novel *Siapa Jahat*..

setelah 100 tahun kehidupan di Pulau Pinang diperlihatkan pesat membangun dengan pelbagai aktiviti ekonomi, perladangan, perikanan dan perdagangan, termasuk munculnya pusat perdagangan yang dimiliki orang Inggeris dan China. Muncul pelbagai prasarana dan infrastruktur sosiobudaya yang rancang dengan pembinaan jalan raya, kenderaan motokar dan pusat hiburan. Novel ini turut menggambarkan kehidupan Abdul Bar (mungkin keturunan Arab berdasarkan adat perkahwinannya yang memakai cara Arab) yang kaya raya kerana mewarisi harta kekayaan bapanya selain meneruskan urusan pejabatnya sendiri. Seorang lagi anak muda, Yaakob, kawan rapat Abdul Bar juga memiliki kekayaan. Hal ini memperlihatkan status kehidupan Melayu tanjung telah berubah mengikut kemajuan zaman. Di sebalik kejayaan tersebut turut meninggalkan kesan buruk ialah gejala sosial yang melanda anak muda Melayu yang berpelesiran dengan kegiatan sosial yang meruntuhkan akhlak. Novel ini turut memerihalkan kehalusan adat istiadat orang Melayu dalam meraikan tetamu dan memuliakan persahabatan. Selain itu amalan budaya seperti adat perkahwinan Melayu peranakan turut di kemukakan.

Dalam *Iakah Salmah?* Isu-isu modenisasi dan perubahan cara pemikiran anak muda yang progresif pada awal abad ke 20 menjadi subjek perbincangan. Isu hak kebebasan wanita dalam ruang publik, isu-isu pembangunan pendidikan dan ekonomi orang Melayu turut menjadi agenda penting demi kelangsungan hayat orang Melayu dalam persaingan menikmati kehidupan yang mulia dalam arus zaman. Novel ini turut mengemukakan kalangan orang Melayu kelas menengah, iaitu Malikun yang berasal dari Ulu Yam Selangor, yang memiliki kekayaan di Pulau Pinang dan rangkaian kekayaannya di negeri lain.

## **Khatimah**

Ahmad Rashid Talu adalah antara pelopor novel Melayu awal abad ke-20 melalui penghasilan karya-karya yang berlatarkan tempatan, khususnya Pulau Pinang. Karya-karya beliau merakam milieu sosiobudaya masyarakat Melayu sewaktu berhadapan dengan landaan pengaruh modenisasi dan rakaman kemelut kehidupan masyarakat Melayu dalam sebuah kota kosmopolitan. Bauran pelbagai bangsa, budaya, bahasa, kepercayaan, agama, adat istiadat dan resam kehidupan daripada pelbagai peradaban belahan Timur dan Barat membentuk mozek budaya masyarakat Melayu Tanjung yang unik, melalui pembentukan rupa bangsa yang sebahagiannya bersifat hibrid dan peranakan. Pengalaman sosiobudaya, isu-isu silang budaya, kepentingan pendidikan, kelangsungan hayat ekonomi masyarakat Melayu Tanjung, ketinggian adab dan akhlak serta pegangan ajaran Islam yang ampuh telah diberi penekanan oleh Ahmad Rashid Talu. Pengalaman tersebut menjadi pancangan nilai dan norma masyarakat, baik sebagai membina keperibadian individu, mahupun sebagai norma dalam komuniti dan sistem sosialnya. Novel-novel Ahmad Rashid Talu adalah sebuah dokumen budaya yang merangkumi fakta dan fiktif, karya yang dapat menyelami hati nurani dan pemikiran masyarakat Melayu Tanjung khususnya pada zaman yang diwakili oleh teks sekitar abad ke-19 dan abad ke 20.

*Konvenor Syarahan CenPRIS-Dato' Jenaton*

Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

*Rekaletak oleh*

Amirudin Othman

*Penerbit*

Pengarah

Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa

Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk

Copyright-2017